

Hubungan Kecerdasan Rohaniah Warga Tua dengan Amalan Agama di Rumah Kebajikan

Spiritual Intelligent Relationship of Elderly People with the Religious Practice in the Welfare Home

ELMI BAHARUDDIN
ZAINAB ISMAIL

ABSTRAK

Kecerdasan rohaniah adalah sangat diperlukan dalam mendepani cabaran semasa. Kitaran kehidupan manusia bermula dari bayi, remaja, dewasa dan tua sudah tentu akan berhadapan dengan rintangan terutamanya kepada golongan warga tua. Kajian mendapati terdapat ramai warga tua yang mengalami masalah dalam mengamalkan amalan agama secara sempurna. Situasi ini memerlukan satu medium untuk menentukan hubungan kecerdasan rohaniah dengan amalan agama. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji konsep kecerdasan rohaniah dalam Islam, mengenal pasti latar belakang warga tua, menganalisis amalan agama, tahap kecerdasan rohaniah dan hubungan antara domain kecerdasan rohaniah dengan amalan agama. Manakala kaedah kajian yang dipilih adalah kajian kes (case study). Terdapat seramai enam orang warga tua dari Rumah Seri Kenangan Seremban dan enam orang warga tua dari Kompleks Warga Emas al-Jenderami, Banting telah dipilih secara convenience sebagai peserta kajian. Selain itu, seramai empat orang pakar dalam bidang kecerdasan rohaniah telah dipilih secara purposive sebagai informan. Penentuan bilangan peserta kajian adalah berasaskan kepada ketepuan data. Pengumpulan data dilakukan melalui temu bual berstruktur dan pemerhatian. Penganalisisan data dilakukan dengan menggunakan pendekatan tematik (thematic). Hasil kajian mendapati kecerdasan rohaniah dalam Islam adalah berkaitan dengan hati, jiwa, nafsu dan akal fikiran manusia. Dari segi latar belakang warga tua di Rumah Kebajikan, kajian ini menunjukkan majoriti peserta warga tua adalah berumur antara 60-80 tahun, berpendidikan sekolah rendah, pernah bekerja dengan kerajaan dan swasta serta tempoh menetap di Rumah Kebajikan adalah antara 1-6 tahun. Kajian ini juga mendapati amalan agama warga tua adalah terbatas. Bentuk amalan agama yang telah dilaksanakan oleh warga tua ialah solat lima waktu, berpuasa, membayar zakat, melaksanakan haji, membaca al-Quran, berzikir dan qiamullail. Hasil kajian menunjukkan warga tua mempunyai empat domain kecerdasan rohaniah iaitu kecerdasan al-qalb, kecerdasan al-nafs, kecerdasan al-rūh dan kecerdasan al-ʿaql. Kesemua domain ini berada pada tahap yang tinggi serta mempunyai hubungan dengan amalan agama. Secara keseluruhan, kecerdasan rohaniah warga tua dengan amalan agama di Rumah Kebajikan mempunyai hubungan positif yang signifikan.

Kata kunci: Kecerdasan rohaniah; warga tua; amalan agama; rumah kebajikan

ABSTRACT

Spiritual intelligence is needed in facing the current challenges. Cycle of human life from infants, teenagers, adults and the elderly will certainly face resistance, particularly to the elderly. The study found that many seniors are experiencing problems in religious practices properly. This situation calls for a medium to determine the relationship with the religious practices of spiritual intelligence. This study aims to examine the concept of spiritual intelligence in Islam, to identify the background of the elderly, analyzes the religious, spiritual intelligence and spiritual intelligence relationship between the domain of religious practice. While the research method chosen is the case study (case study). There are a total of six residents of a home Memories Seremban and six elders from Complex Elderly al-Jenderami, Banting had been chosen by convenience as a participant in the study. In addition, a total of four experts in the field of spiritual intelligence has been selected by purposive as informants. The determination of the number of participants is based on data saturation. Data collection was done through structured interviews and observation. The data analysis was done by using a thematic approach (thematic). Results showed that the Islamic spiritual intelligence is associated with heart, soul, passion and the human mind. Background in the elderly at the Home, this study shows the majority of the elderly participants were aged between 60-80 years, primary education, has worked with government and private sectors and duration of stay in a home is between 1-6 years. The study also found that older religious practices is limited. Forms of religious practices that were implemented by the elderly are the five daily prayers, fasting, paying zakat, perform hajj, reading the Qur'an, remembrance and qiamullail. The results showed that the elderly have four domains of spiritual, namely intelligence al-qalb, intelligence al-nafs, intelligence al-ruh and intelligence al-ʿaql. All these domains are at the highest level and

have a relationship with religious practice. Overall, the elderly spiritual intelligence with religious practices in a home has a significant positive relationship.

Keywords: Spiritual intelligence; elderly; religious practices; a home

PENGENALAN

Manusia yang cerdas seringkali mengkaji dan membenarkan proses penciptaan alam ini dengan penuh hikmah dan kebijaksanaan. Kejadian alam ini merupakan tanda-tanda kebesaran Allah SWT yang menunjukkan kehebatan dan keagungan-Nya bagi orang yang berakal. Di samping itu, mereka yang cerdas mempunyai kekuatan dalaman yang dipanggil kecerdasan rohaniah. Kejadian manusia dari unsur roh dan jasad menunjukkan gabungan penting antara material dan spiritual yang secara tidak langsung dapat membentuk cara hidup manusia agar lebih tersusun dan sempurna.

Hakikatnya manusia yang mempunyai kecerdasan rohaniah hidup dalam keadaan yang tenang dan bahagia. Bahkan kehidupan mereka yang lebih tersusun menyebabkan mereka redha dengan apa jua yang telah diaturkan oleh Allah SWT di samping usaha yang berterusan dalam diri. Akhirnya kekuatan rohaniah yang mapan dan jitu ini mampu mendepani kehidupan yang kian mencabar. Antara cabaran hidup seperti kebejatan gejala sosial dalam masyarakat dan ketandusan akhlak dalam diri. Semua ini memungkinkan mereka memerlukan kekuatan dalaman yang mampu membimbing dan memandu ke arah yang lebih baik dan berdisiplin.

Maka, cabaran yang lebih besar lagi adalah kepada golongan warga tua negara. Mereka berhadapan dengan pelbagai halangan untuk beribadah dengan lebih sempurna di hari tua. Keadaan dan kondisi mereka yang uzur sedikit sebanyak menghalang perjalanan ibadah mereka dengan lebih sempurna. Namun jika mereka mempunyai kekuatan dalaman iaitu kecerdasan rohaniah sudah tentu mereka mampu mendepani cabaran tersebut dengan penuh yakin serta mampu beribadah dengan lebih baik dan berkesan.

Justeru, kehidupan beragama memerlukan satu medium yang kuat agar mampu melahirkan warga tua yang mendapat pengampunan dari Tuhan. Maka kertas kerja ini akan mengupas pernyataan masalah, objektif kajian, metodologi yang diguna pakai, tinjauan literatur, hasil kajian, kesimpulan dan rujukan.

PERNYATAAN MASALAH

Jika tinjauan dilakukan di masjid-masjid dan di surau-surau yang memenuhi saf-saf dalam pelaksanaan ibadah solat adalah terdiri dari golongan warga tua yang paling ramai berbanding dengan golongan muda dan dewasa. Namun begitu, terdapat juga warga tua yang hanya menghabiskan masa dengan anak cucu mereka di rumah tanpa menghiraukan tanggungjawab sebagai hamba dan khalifah di muka bumi ini. Bahkan terdapat juga warga tua yang hidup mereka penuh dengan kesengsaraan, penderitaan dan kelesuan dalam mendepani cabaran hidup terutamanya dalam mengamalkan ajaran Islam yang lebih sempurna.

Hakikatnya usia tua adalah bonus kepada warga tua untuk terus-menerus melakukan amal soleh dengan lebih baik lagi. Rasulullah SAW telah bersabda mengenai usia tua dengan menggolongkan mereka yang telah mencapai usia 60 tahun yang merupakan kurniaan Allah SWT agar mereka terus beramal dan berbakti dalam Islam. Hal ini seperti dalil yang diriwayatkan oleh imam al-Bukhārī:

عن أبي هريرة؛ عن النبي صلى الله عليه وسلم: أَعَدَّ اللهُ إلى امرئٍ آخرَ أجله حتى بلغه ستين سنة

Maksudnya: Dari Abu Hurairah, daripada Nabi SAW telah bersabda: Allah telah memberikan kesempatan yang cukup kepada orang yang dilanjutkan usianya sehingga 60 tahun (al-Bukhārī. 2000M/1420H. Kitāb al-riqāq. Bāb man balagha sittīn sanah faqad ‘a‘zar Allah ‘ilaih fī al-‘umuri. Juz 4: 281).

Selain itu, ahli tafsir menyatakan warga tua berhadapan dengan pelbagai cabaran hidup dalam menafsirkan surah al-Nahl (16) ayat 70. Antaranya Hamka (1999: Jilid 5; 3934) telah menyatakan usia tua adalah mereka yang berumur 50 tahun dan terdapat perubahan secara perlahan-lahan kepada akal dan fizikal sedikit demi sedikit hingga ke peringkat umur 75 tahun ke atas. Selain itu, beliau menyatakan pada peringkat umur tersebut, warga tua akan kembali kepada akal kanak-kanak dengan ingatan yang sudah kurang berfungsi dengan baik. Keadaan ini disebabkan oleh masalah kesihatan dan lemahnya tubuh badan serta uzur.

Selain itu, Abu Hayyan (1993M/1413H: Jilid 5; 498) pula warga tua ialah mereka yang telah lemah pancaindera yang ditandai dengan kelemahan pada perkataan dan fikiran mereka terutamanya terhadap daya ingatan mereka terhadap sesuatu perkara. Manakala al-‘Alūsī (1994M/1415H: Jilid 7; 425) pula menyatakan warga tua adalah mereka yang

telah lemah kekuatan fizikal, telah rosak pancaindera sepertimana di waktu mereka kanak-kanak dahulu. Sedangkan al-Tabarī (1992M/1412H: Jilid 7; 615) pula menyatakan warga tua adalah mereka yang telah berumur 75 tahun ke atas dan akan beransur-ansur menjadi bodoh seperti di zaman kanak-kanak.

Begitu juga pandangan al-Razī (2000M/1421H: Jilid 20; 62) tentang usia tua adalah perpindahan manusia daripada sempurna kepada kekurangan, daripada kuat kepada lemah, muda kepada tua, daripada sakit kepada uzur dan daripada akal sempurna kepada pelupa. Namun begitu, terdapat juga warga tua yang hebat dan sentiasa berfikiran jauh ketika di usia tua. Mereka terus-menerus berfikir sehingga menyebabkan akal fikiran, emosi dan rohaniah mereka menjadi cerdas.

Hakikatnya Allah SWT telah menerangkan secara langsung orang yang cerdas rohaniah adalah mereka yang memiliki *ulul albāb*. Perkataan *ulul albāb* adalah kecerdasan akal dan kehalusan budi (Hamka 1999: Jilid 8; 6250). Ini bertepatan dengan ayat al-Quran yang menjelaskan kecerdasan rohaniah sebagai tuntutan jiwa dalam surah al-Zumar (39) ayat 9. Kecerdasan rohaniah adalah darjah yang mengukur kekuatan dalaman manusia yang menghubungkan Allah SWT dalam segala tindakan. Hubungan dengan Allah SWT yang rapat menyebabkan darjat seseorang meningkat dan mendapat tempat yang mulia di sisi-Nya.

Selain itu, al-Marāghī (2001: Jilid 12; 5871) menjelaskan perkataan *albāb* dalam dalam surah al-Zumar, ayat 9 sebagai orang yang berakal budi yang sempurna. Mereka telah menerima hujah-hujah Allah SWT dan mahu mengikut petunjuk-Nya dan bukannya orang yang jahil serta lalai kepada-Nya. Maka, warga tua perlulah menjadi manusia yang terbaik dengan memiliki kecerdasan rohaniah yang mampu meningkatkan amalan agama di usia tua berbanding ketika di usia muda dahulu. Hal ini kerana mereka tidak perlu bersusah payah memikirkan hal keduniaan seperti menjaga anak-anak, mencari sumber kewangan dan bekerja seharian membanting tulang. Semuanya telah mereka lalui dengan tenang dan damai.

Persoalannya apakah kecerdasan rohaniah dalam Islam? Bagaimanakah latar belakang warga tua yang mendiami Rumah Kebajikan? Dan apakah hubungan amalan agama dengan kecerdasan rohaniah warga tua di Rumah Kebajikan? Apakah domain kecerdasan rohaniah warga tua di Rumah Kebajikan? Bagaimanakah hubungan antara tahap domain kecerdasan rohaniah dengan tahap amalan agama warga tua ini? Maka persoalan tersebut perlu dijawab

dengan mengemukakan satu kajian “Hubungan Antara Kecerdasan Rohaniah dengan Amalan Agama Warga Tua di Rumah Kebajikan” perlu dilakukan.

OBJEKTIF KAJIAN

Secara umum kajian ini bertujuan untuk menganalisis hubungan kecerdasan rohaniah dengan amalan agama warga tua di Rumah Kebajikan. Secara khusus kajian ini bertujuan untuk:

1. Mengkaji konsep kecerdasan rohaniah dalam Islam.
2. Mengenal pasti latar belakang warga tua yang mendapatkan penjagaan di Rumah Kebajikan.
3. Mengenal pasti tahap amalan agama warga tua di Rumah Kebajikan.
4. Mengenal pasti domain kecerdasan rohaniah di Rumah Kebajikan.
5. Menganalisis hubungan antara tahap domain kecerdasan rohaniah warga tua dengan tahap amalan agama di Rumah Kebajikan.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian kualitatif. Oleh kerana itu, pendekatan metodologi yang digunakan adalah pendekatan yang sesuai dengan kajian kualitatif. Terdapat lima pendekatan yang diberi perhatian dalam metodologi kajian ini iaitu reka bentuk kajian, pemilihan kawasan kajian, pemilihan peserta kajian, pengumpulan data, penganalisan data.

REKA BENTUK KAJIAN

Kajian ini dijalankan sepenuhnya menggunakan kaedah kualitatif kajian kes iaitu menggunakan reka bentuk “*Multi Case Multi Site*”. *Multi Case* merujuk kepada beberapa warga tua yang akan menjadi peserta kajian ini, sedangkan *Multi Site* merujuk kepada beberapa Rumah Kebajikan yang akan dijadikan sebagai tempat kajian ini. Pengumpulan melalui temu bual mendalam (*indepth interview*) adalah menjadi tunjang kepada kajian ini.

PEMILIHAN KAWASAN

Pemilihan kawasan dalam kajian ini bertujuan untuk melihat hubungan antara kecerdasan rohaniah dengan amalan warga tua di Rumah Kebajikan. Maka dalam konteks Malaysia, terdapat dua kategori Rumah Kebajikan iaitu di bawah seliaan kerajaan dan swasta. Bagi mencapai objektif kajian ini, dua buah Rumah

Kebajikan iaitu Rumah Seri Kenangan Seremban yang terletak di Negeri Sembilan dan Kompleks Warga Emas al-Jenderami, Banting, Selangor telah dipilih. Pemilihan dua institusi ini bertujuan untuk mendapatkan perbezaan hasil kajian di dua institusi yang berbeza iaitu kerajaan dan swasta.

Lokasi kajian ini merupakan sebuah institusi kerajaan dan swasta yang mengawal selia dan menjaga warga tua di Negeri Sembilan dan negeri Selangor. Rumah Seri Kenangan Seremban dibina setahun setelah negara mencapai kemerdekaan iaitu pada tahun 1958. Ia merupakan satu-satunya Rumah Kebajikan yang disediakan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia di Negeri Sembilan bagi kemudahan dan penjagaan yang sistematik terhadap warga tua yang terpilih. Selain itu, Rumah Kebajikan ini juga berfungsi sebagai pelindung dan penyelamat kepada warga tua yang tidak memiliki tempat tinggal dan berada dalam kesepian. Maka pemilihan tempat kajian ini adalah sangat bertepatan dengan masalah yang dihadapi oleh warga tua di Rumah Kebajikan yang kebanyakannya datang secara terpaksa dan berhadapan dengan cabaran semasa khususnya di Negeri Sembilan.

Manakala pemilihan Rumah Kebajikan swasta iaitu Kompleks Warga Emas al-Jenderami pula bertujuan mendapatkan perbezaan cara dan bentuk program yang terdapat di lokasi kajian. Rumah Kebajikan ini dikawal selia oleh badan bukan kerajaan (NGO) untuk warga tua yang bertujuan memberi perlindungan dan penjagaan terhadap warga tua yang berada di sekitar Banting, Selangor. Terdapat beberapa perkhidmatan yang disediakan di Rumah Kebajikan ini terutamanya pengisian yang berbentuk pengajian agama di samping menjalankan amalan yang berupa kerohanian, kebajikan dan dakwah Islamiah. Maka pemilihan Kompleks Warga Emas al-Jenderami ini adalah sangat bertepatan dengan matlamat penubuhannya sebagai meningkatkan kerohanian warga tua yang bersesuaian pula dengan tajuk kajian ini. Justeru, pemilihan lokasi kajian ini akan dapat melihat hubungan kecerdasan rohaniah dengan amalan agama warga tua di Rumah Kebajikan.

PEMILIHAN PESERTA KAJIAN

Peserta kajian ini terdiri dari 12 orang warga tua masing-masing enam orang di setiap Rumah Kebajikan. Pemilihan peserta kajian ini berdasarkan ketepuan data yang dikumpul. Ianya akan dipilih secara *purposive*. Tujuannya adalah untuk memudahkan penganalisisan data dan kesahan data terhadap hasil kajian ini.

PENGUMPULAN DATA

Data yang dikumpul dalam kajian ini terbahagi kepada data primer dan data sekunder. Data primer dalam kajian ini diperolehi melalui proses temu bual berstruktur dan pemerhatian. Manakala data sekunder pula diperolehi melalui analisis kandungan yang dilakukan ke atas buku, jurnal, tesis, latihan ilmiah, majalah popular dan akhbar. Tujuan analisis kandungan adalah untuk mendapatkan konseptual kecerdasan rohaniah dalam Islam di samping membentuk kerangka asas dan sebagai teori dalam kajian ini. Analisis kandungan ini juga penting dalam pembentukan kerangka kerja teoritikal yang berkaitan dengan kecerdasan rohaniah dalam kajian ini.

Bagi memperolehi data primer untuk temu bual berstruktur, maka satu temu bual berstruktur telah dibentuk berkaitan dengan objektif kajian ini. Soalan temu bual tersebut akan dilakukan kepada warga tua di lokasi kajian. Soalan itu, set temu bual pakar telah dilakukan kepada empat orang pakar dalam bidang kerohanian iaitu Dato' Dr Haron Din, Profesor Zakaria Stapa, Profesor Dr. Sidek Baba dan Dr Muhammad Uthman El-Muhammady bagi mendapatkan konseptual kecerdasan rohaniah dalam Islam. Temu bual pakar dianalisis menggunakan NVivo8 bagi mendapatkan konsep rohaniah dalam Islam, domain rohaniah, kepentingan rohaniah dan alat pengukuran serta penilaian kecerdasan rohaniah dalam Islam.

Manakala temu bual kepada warga tua dibentuk berkaitan dengan latar belakang warga tua, bentuk-bentuk amalan agama, domain kecerdasan rohaniah, tahap amalan agama dan tahap ilmu pengetahuan agama. Selain itu, soalan temu bual tidak berstruktur juga dibentuk khas untuk para petugas dan kakitangan di dua institusi tersebut. Sebanyak tiga orang responden ditemu bual secara tidak berstruktur di setiap Rumah Kebajikan. Temu bual tersebut terdiri daripada pengarah, penjaga dan responden lain jika difikirkan perlu.

Seterusnya, bagi memperolehi data sekunder, analisis kandungan perlu dilakukan melalui kajian kepustakaan. Maka analisis kandungan dalam kajian ini, terdapat lima bahasan kajian yang menjadi tumpuan dalam analisis tersebut. Bahasa pertama iaitu berkaitan dengan konsep kecerdasan rohaniah dalam Islam, tujuan dan matlamat kecerdasan rohaniah, domain kecerdasan rohaniah, cara pengukuran dan penilaian terhadap kecerdasan kerohanian. Tujuan analisis kandungan ini dilakukan adalah untuk memperolehi data dan maklumat mengenai konsep kecerdasan rohaniah dalam Islam secara terperinci.

PENGANALISISAN DATA

Proses penganalisan data dalam kajian ini melibatkan data primer yang diperolehi daripada temu bual berstruktur dan pemerhatian. Data primer yang diperolehi daripada temu bual berstruktur dan pemerhatian akan dianalisis secara deskriptif iaitu untuk menjelas dan mentafsir terhadap hubungan yang wujud antara kecerdasan rohaniah dengan amalan agama warga tua di Rumah Kebajikan. Penyelidikan ini lebih tertumpu untuk mencari hubungan antara domain kecerdasan rohaniah dengan amalan agama warga tua di Rumah Kebajikan.

Data yang telah dikumpul akan diklasifikasikan mengikut tema yang telah ditentukan oleh penyelidik. Penganalisan data yang diperolehi daripada soalan temu bual akan dianalisis dengan menggunakan kaedah kualitatif. Data yang dianalisis dalam kaedah kualitatif adalah perkataan, gambar atau artifak dan bukannya nilai angka. Data kaedah kualitatif terdiri daripada nota catatan lapangan, transkrip temu bual, gambar, pita rakaman audio/video, memo, dokumen bertulis rasmi atau tidak rasmi atau sebagainya. Data-data ini lebih banyak dianalisis secara deskriptif. Kajian ini tidak menukarkan data-data tersebut dalam bentuk angka seperti pendekatan kajian kuantitatif. Sebaliknya cuba menghurai, memahami dan menjelaskan maksud tersurat dan tersirat daripada data-data tersebut supaya menjadi sesuatu yang bermakna.

Manakala data sekunder pula dianalisis secara kualitatif iaitu mengumpulkan data melalui analisis kandungan. Analisis kandungan dalam kajian ini lebih menghurai konsep kecerdasan rohaniah dalam Islam. Maka analisis kandungan dalam kajian ini ialah berkaitan dengan isu kecerdasan rohaniah yang menjadi fenomena bualan masyarakat hari ini. Tujuan kajian ini adalah sebagai menambah ilmu pengetahuan dalam menyelesaikan masalah dan dilema yang dihadapi oleh warga tua masa kini. Justeru, analisis ini penting bagi menjelaskan persoalan-persoalan dalam kajian ini seperti yang terdapat dalam objektif kajian. Maka analisis kandungan ini penting sebagai teori dalam pembentukan kecerdasan rohaniah dalam Islam.

TINJAUAN LITERATUR

Berdasarkan tinjauan terhadap kajian-kajian lepas, terdapat banyak penulisan sarjana tentang kecerdasan meliputi kecerdasan pelbagai dan kecerdasan spiritual, amalan kerohanian dan kajian tentang seputar warga tua dalam perbincangan yang pelbagai aspek. Antara

kajian tersebut adalah dalam bentuk buku-buku ilmiah, tesis sarjana, jurnal-jurnal dan sebagainya seperti berikut:

Kajian dalam bentuk tesis sarjana oleh Hafsa Mohamed Makki (2008), Ibrahim Mohamed Zin (2007), Arbaiyah Md Zin (2006) yang menulis tentang kecerdasan pelbagai. Selain itu, penulisan buku popular juga berkaitan kecerdasan seperti buku *Rahasia Sukses Membangun Kecerdasan Emosi dan Spiritual ESQ* oleh Ary Ginanjar Agustian (2005), *Yakin Diri 9 Jalan Cerdas Emosi dan Spiritual* oleh Muhamad Wahyuni Nafis (2006), *Selalu Melibatkan Allah Sehat Spiritual Sukses Sosial* karangan Muhammad al-Ghazali (1990), *Menghidupkan Kecerdasan Emosional dan Spiritual Berguru kepada Allah* oleh Abu Sangkan (2002), *QQ Membentuk Kecerdasan daripada Quran* oleh Muhammad D. Sensa (2004), *Quranic Quotient for a Lasting Success Panduan Menggunakan Kecerdasan al-Quran untuk Kesuksesan Dunia Akhirat* oleh Ahimza Riyadi (2005), *Prophetic Intelligence Kecerdasan Kenabian Menumbuhkan Potensi Hakiki Insani Melalui Pengembangan Kesehatan Ruhani* oleh Hamdan Bakran adz-Dzakiey (2005) dan Sulaiman al-Kumayi (2003) dengan tajuk *99Q, Kecerdasan 99 Cara Meraih Kemenangan Hidup Lewat Penerapan 99 Asma Allah*.

Selain itu, ramai juga para ahli tafsir yang menerangkan tentang usia tua seperti al-Marāghī, Hamka, Abu Hayyan, al-Syihāb al-Dīn, al-Tabarī dan Ibn Jauzi yang menerangkan secara langsung pengertian tua mengikut al-Quran dan al-Sunnah. Juga pengkaji barat seperti Neugarten (1979), Cary S. Kart (1997), Shura Saul (1974), Gitelson (1948), Kurt Wolff (1959) dan Dorothy Rogers (1979) telah menerangkan usia tua dan tanda-tanda menjadi tua dalam masyarakat.

Juga kajian dalam bentuk kajian dan tesis sarjana seperti Soerjantini Rahaju (2004) Abdul Aziz Jamain et al. (2000), Suriah Abd. Rahman (1999), Norasyikin Omar (2004), Khajidah Alavi (2003), Nor Azla Abd Talib (1999), Rosnani Baharom (1997), Ahmad Tarmizi Mahmud (1996), Mariah Muda (1996), Latifah Talib (1996), Rosli Sulong (1994), Zurahaslina binti Othman (1991), Fatiah Binti Mohamad (1988), Zainon Jalani (1988) dan Zainol Mat (1983) yang membincangkan secara langsung isu seputar warga tua dalam aspek yang pelbagai. Kajian mereka lebih tertumpu kepada penjagaan, pemakanan, kelesuan dan kemurungan di kalangan warga tua. Ada juga yang mengkaji tentang amalan kerohanian secara tidak langsung namun tidak mengaitkan dengan kecerdasan rohaniah warga tua secara langsung.

Hakikatnya terdapat banyak penulisan dalam bentuk jurnal keluaran dari Jabatan Kebajikan Masyarakat dan majalah lain seperti *Massa*, *Dewan Budaya*, *Dakwah*, *Dewan Masyarakat* dan sebagainya. Kesemua bahan-bahan tersebut lebih membincangkan aspek sosial tanpa membincangkan aspek hubungan kecerdasan rohaniah dengan amalan agama warga tua secara langsung. Contohnya dalam majalah *Massa* yang menyatakan warga tua sebagai kehidupan yang lesu keluaran pada 11 April 2003. Meran Abu Bakar (2003) dalam majalah *Wanita* menyatakan warga tua menagih kasih di Sri Tanjung dan Muhammad Fathi Yusuf (2001) dalam *Dewan Budaya* juga menulis berkaitan liku-liku kehidupan warga tua.

Kupasan yang pelbagai ini masih lagi berkisar kepada pelbagai isu yang berkaitan dengan kecerdasan, amalan agama dan kerohanian serta warga tua dengan polimik yang pelbagai. Kajian secara langsung tentang kecerdasan rohaniah menurut perspektif Islam masih belum ada secara khusus pada dasarnya. Bahkan kajian tentang hubungan kecerdasan rohaniah warga tua dengan amalan agama di Rumah Kebajikan masih belum ada dilakukan oleh para sarjana sama ada secara langsung atau tidak langsung. Justeru, kajian yang mendalam perlu dilakukan untuk melihat perkaitan kecerdasan rohaniah dengan amalan agama warga tua di Rumah Kebajikan.

HASIL KAJIAN

Hasil kajian menunjukkan kecerdasan rohaniah adalah kecerdasan yang paling tinggi dalam diri seseorang. Mereka yang mempunyai kecerdasan ini akan sentiasa tenang, senang dan bahagia walaupun berhadapan dengan pelbagai masalah dan ujian kehidupan. Selain itu menjadi kekuatan dalaman yang mampu menjadi benteng dan pertahanan dalam kehidupan beragama.

Selain itu penggunaan istilah rohaniah adalah lebih tepat berbanding penggunaan istilah barat yang menggunakan 'spiritual' yang agak keliru maksudnya. Kecerdasan rohaniah dalam Islam adalah merujuk kepada seseorang yang mendapat darjat berupa ketenangan jiwa, berakal cerdas, mempunyai roh yang sejahtera, *al-nafs* yang *muthmainnah* dan hati yang bahagia dengan iman dan taqwa kepada Allah SWT. Maka ciri dan sifat tersebut akan membentuk peribadi, akhlak dan cara hidup yang sempurna dalam kehidupan mereka.

Selain itu, al-Quran telah menjelaskan pelbagai unsur rohaniah yang menjadikan seseorang cerdas dan bertindak mengikut lunas-lunas yang telah

disyariatkan oleh Allah SWT dan mengikut sunnah Rasulullah SAW. Bahkan terdapat domain-domain yang membentuk kecerdasan rohaniah antaranya *muslim*, *mu'min*, *muhsin*, *mukhlis*, *muttaqiyn*, *mushaddiqiyn*, *musyāhidiyn* dan *muslihiyn* yang menjadikan seseorang itu cerdas dan berjaya di dunia dan akhirat. Maka seseorang yang mempunyai kelapan-lapan domain tersebut akan mencapai tahap kecerdasan rohaniah yang tinggi dalam Islam. Selain itu ia juga melambangkan umat Islam telah berjaya mencapai alam rohani dan hubungan dengan Allah SWT yang sangat istimewa.

Dari segi latar belakang warga tua yang mendiami Rumah Kebajikan dengan purata umur antara 60 tahun hingga 80 tahun, tahap pendidikan majoriti adalah bersekolah di peringkat rendah dan bilangan adik-beradik majoriti iaitu seramai 10 orang. Selain itu majoriti peserta juga pernah berkahwin berbanding yang masih masih bujang iaitu empat orang. Manakala peserta yang pernah berkahwin pula memiliki tempoh perkahwinan paling singkat 23 tahun berbanding tempoh paling lama 50 tahun. Seterusnya peserta yang pernah berkahwin hanya terdapat empat orang sahaja yang mempunyai anak. Selain itu, kesemua peserta warga tua pernah bekerja sama ada dengan pihak kerajaan dan swasta. Manakala tempoh peserta yang mendiami Rumah Kebajikan adalah antara setahun hingga enam tahun.

Seterusnya kajian ini mendapati secara keseluruhan peserta warga tua di Rumah Kebajikan ada mempunyai domain *al-qalb* dalam diri mereka. Pengertian domain *al-qalb* iaitu seseorang yang melakukan kebaikan dengan penuh keikhlasan yang lebih dikenali sebagai *muhsin* dan *mukhlis*. Hal ini terbukti melalui beberapa peserta kajian yang telah ditemu bual mendapati secara keseluruhannya ada mempunyai domain *al-qalb* dalam diri mereka. Namun terdapat juga yang melakukan kebaikan tetapi tidak diiringi dengan keikhlasan dalam diri mereka.

Selain itu kajian ini mendapati domain *al-nafs* terdapat dikalangan peserta Rumah Kebajikan. Domain *al-nafs* iaitu menyerahkan seluruh jiwa raga kepada Allah SWT dengan melakukan amal yang soleh dalam kehidupan seharian. Hakikatnya domain *al-nafs* mampu menjadikan nafsu dan diri seseorang menjadi mudah untuk melaksanakan amalan soleh dan pasrah dengan segala ketentuan Allah SWT dalam setiap langkah dan keadaan. Maka nafsu yang cerdas akan menyebabkan seseorang itu berasa ringan untuk melakukan amal soleh yang dikenali dengan nafsu yang tenang. Hampir kesemua peserta warga tua dalam kajian ini telah menjelaskan tentang domain

al-nafs dengan berserah diri kepada Allah SWT di samping melakukan amal soleh.

Seterusnya kajian ini mendapati peserta warga tua di Rumah Kebajikan mempunyai domain *al-rūh* dalam diri mereka. Domain *al-rūh* iaitu kepercayaan yang hakiki kepada Allah SWT dan yakin sepenuhnya serta melaksanakan segala titah perintahnya dengan melaksanakan apa yang disuruh dan meninggalkan apa yang dilarang oleh Allah SWT Roh yang cerdas menyebabkan keyakinan dan ketaatan dalam melaksanakan ibadah hanya dilakukan kepada Allah SWT Hakikatnya domain *al-rūh* yang cerdas mampu menjadikan seseorang menjadi lebih percaya dan yakin serta mudah pula melakukan segala titah perintah Allah SWT sebagaimana yang telah diwajibkan ke atasnya. Secara keseluruhannya peserta warga tua mempunyai roh yang cerdas dalam diri mereka. Roh yang cerdas akan memiliki tanda-tanda dan ciri-ciri keimanan dan ketaqwaan yang mendalam pada diri seseorang.

Seterusnya kajian ini juga mendapati hampir keseluruhan peserta warga tua di Rumah Kebajikan ada mempunyai kecerdasan akal yang tinggi. Warga tua yang mempunyai kecerdasan akal tinggi sentiasa menyaksikan kebesaran dan keagungan Allah SWT dengan cara membenarkan dalam kehidupan seharian. Sifat membenarkan kebenaran adalah sifat mulia yang akhirnya menjadikan akal cerdas melalui pelaksanaan amalan yang berterusan. Maka kajian ini mendapati peserta warga tua ada mempunyai domain akal yang cerdas.

Rumusan analisis amalan agama pula mendapati warga tua telah melakukan amalan agama secara terbatas. Antara bentuk amalan yang telah dilaksanakan oleh warga tua seperti solat lima waktu, berpuasa, membayar zakat, melaksanakan haji, membaca al-Quran, berzikir dan qiamullail. Kebanyakan peserta melaksanakan amalan tersebut sebagai amalan keagamaan dalam rutin harian mereka. Namun ibadah haji hanya seorang sahaja yang sudah melaksanakan ibadah tersebut. Hal ini diukur berdasarkan pengakuan mereka semasa ditemu bual.

Manakala hubungan domain kecerdasan rohaniah dengan amalan agama pula adalah sangat berkaitan. Justeru, seseorang yang mempunyai kecerdasan rohaniah yang kuat akan menyebabkan mampu melakukan amalan agama dengan lebih baik dan istiqamah dalam kehidupan. Kesimpulannya terdapat empat hubungan yang dikenal pasti antara domain rohaniah dengan amalan agama. Antaranya hubungan antara Iman dengan roh akan menyebabkan berlaku pembentukan iman yang kukuh dalam diri, hubungan

antara amalan agama dengan jiwa akan membentuk manusia yang berjiwa bersih, hubungan antara ilmu pengetahuan akan membentuk akal fikiran yang cemerlang serta hubungan antara akhlak dengan hati menyebabkan hati akan menjadi tenang dan tenteram.

IMPLIKASI DAN CADANGAN

Hasil daripada keseluruhan kajian ini, terdapat beberapa implikasi kajian hubungan antara kecerdasan rohaniah dengan amalan agama warga tua dengan amalan agama di Rumah Kebajikan. Antaranya adalah seperti berikut:

1. Islam telah menyediakan pakej yang lengkap bagi umatnya untuk menjadi manusia unggul dan cemerlang. Antaranya pakej Konsep Kecerdasan Rohaniah sebagai formula unggul dan cemerlang dalam kehidupan. Formula ini telah digariskan oleh Islam sebagai manusia yang cemerlang mata hati dan akal fikiran di samping memahami tujuan dan matlamat hidup. Bahkan kecerdasan rohaniah adalah pemangkin kepada hati, jiwa, roh dan akal yang sempurna yang membentuk personaliti unggul dalam diri, keluarga, masyarakat dan negara. Justeru, konsep kecerdasan rohaniah dalam Islam sangat penting dihayati sebagai panduan menjadi orang Islam yang mempunyai hati, jiwa, roh dan akal yang sempurna.
2. Hasil kajian mendapati warga tua mempunyai domain rohaniah iaitu *al-qalb*, *al-nafs*, *al-rūh* dan *al-ʿaql* yang mampu meningkatkan kecerdasan rohaniah mereka. Warga tua yang mempunyai mutu rohaniah yang tinggi akan menyebabkan hati dan perasaan mereka menjadi tenang. Seterusnya dapat membentuk kekuatan dalaman warga tua dalam menghadapi cabaran.
3. Amalan agama warga tua mempunyai hubungan dengan domain kecerdasan rohaniah. Warga tua yang mempunyai domain rohaniah yang tinggi akan menyebabkan mereka mudah dan senang untuk melaksanakan amal ibadah dalam kehidupan seharian mereka.
4. Terdapat perbezaan antara warga tua yang mendiami Rumah Kebajikan swasta dan kerajaan. Antaranya dalam aspek tahap ilmu pengetahuan agama, mutu amalan dan polisi kerajaan dalam penerimaan penghuni warga tua di kedua-dua institusi. Bahkan perbezaan yang ketara adalah cara pemikiran dan budaya kehidupan yang diamalkan di persekitaran Rumah Kebajikan.

Berdasarkan implikasi kajian ini, terdapat beberapa cadangan yang perlu dikemukakan kepada pihak tertentu bagi melahirkan masyarakat yang mempunyai tahap kecerdasan rohaniah yang tinggi terutamanya kepada golongan warga tua di Malaysia. Antara cadangan kepada golongan warga tua dalam membentuk kecerdasan rohaniah agar lebih praktikal dan membentuk kekuatan dalaman mereka. Antaranya seperti berikut:

1. Golongan warga tua perlulah mempersiapkan minda mereka dengan ilmu pengetahuan agama yang mantap dari segi ilmu aqidah, ilmu tatacara ibadah yang betul, sirah Nabi SAW dan akhlak yang terpuji. Persiapan diri berupa ilmu agama boleh dicapai sekiranya sentiasa mengambil peluang untuk menambah ilmu dengan lebih gigih lagi.
2. Golongan warga tua juga perlulah melakukan senaman ringan dan bersukan agar mereka mempunyai kekuatan fizikal dalam melaksanakan amal ibadah kepada Allah SWT Latihan fizikal ini mampu memberi kesihatan yang baik kepada golongan warga tua di samping aktiviti harian yang lain.
3. Golongan warga tua perlulah menjadi golongan penasihat kepada generasi muda dengan memberi gambaran dan contoh tauladan yang baik dalam kehidupan. Penasihat di sini maksudnya sebagai pemberi dorongan dan motivasi kepada golongan muda agar lebih berjaya dalam hidup mereka.

Selain itu, cadangan kepada institusi Rumah Kebajikan juga perlu penambahbaikan dalam melahirkan warga tua seperti berikut:

1. Pihak institusi Rumah Kebajikan hendaklah memikirkan tentang jaminan sosial warga tua dari segi kebajikan untuk memantapkan amalan agama mereka. Kebajikan dari aspek keimanan, ketaqwaan dan penghayatan agama perlu diterapkan lebih banyak lagi berbanding aspek kebaikan yang lain. Hal ini kerana mereka memerlukan kehidupan yang aman, tenang dan sejahtera di hari tua dengan amalan agama yang mampu menghilangkan 'stress' dalam diri mereka.
2. Selain itu, pihak Rumah Kebajikan juga berusaha memperbanyakkan kuliah-kuliah agama seperti tentang keimanan, ilmu-ilmu agama yang luas dan sirah Rasulullah SAW agar warga tua menjadi warga tua siber dan berwawasan seterusnya mempunyai tahap kecerdasan rohaniah.
3. Bahkan Rumah Kebajikan sentiasa memberikan intensif berupa galakan kepada warga tua yang

menawarkan diri mengajar warga tua lain dalam bidang agama seperti memberi elaun dan penghargaan lain yang dirasakan perlu. Intensif tersebut dapat meningkatkan daya saing warga tua dalam menggapai tahap kecerdasan rohaniah yang tinggi.

Selain itu, cadangan kepada golongan pendakwah juga perlu diperkasakan lagi terutamanya dalam penambahbaikan seperti berikut:

1. Pendakwah perlu melengkapkan diri mereka dengan pengetahuan agama yang luas terutamanya dalam bidang kecerdasan rohaniah agar usaha dakwah yang dilakukan lebih praktikal, strategik dan mampu diterima oleh setiap lapisan masyarakat termasuk golongan warga tua.
2. Pendakwah juga perlu mentransformasikan metode atau kaedah terbaik kepada warga tua agar dapat memahami ilmu agama dengan lebih mudah dan efisien di samping mampu mengamalkan ilmu tersebut dalam kehidupan seharian. Transformasi metode pendakwah kepada warga tua akan menyebabkan mereka mudah memahami dan menerima seruan yang disampaikan kepada mereka. Hal ini menyebabkan pendakwah berjaya menawan hati golongan ini seterusnya dapat mengamalkannya dalam kehidupan mereka.
3. Para pendakwah perlulah berkorban lebih masa dalam menyampaikan pengetahuan agama terutamanya kepada golongan warga tua. Selain itu, menerangkan tentang kelebihan mereka yang mempunyai kecerdasan rohaniah terutamanya kepada golongan tua agar mereka mampu setanding dengan golongan muda dalam aspek pelaksanaan ibadah mereka.

Berdasarkan pengamatan pengkaji terhadap mutu amalan agama warga tua yang tinggal di Rumah Kebajikan swasta adalah lebih baik, maka beberapa saranan wajar dipertimbangkan oleh pihak berkaitan antaranya:

1. Mewujudkan lebih banyak lagi pusat perlindungan untuk golongan warga tua dengan menyediakan kemudahan menuntut ilmu agama secara tersusun dan teratur. Hakikatnya warga tua sangat dahagakan ilmu agama sebagai benteng dan pertahanan dalam mendepani cabaran kehidupan.
2. Menerapkan modul yang sesuai untuk golongan warga tua terutamanya kefahaman tentang kecerdasan rohaniah agar warga tua menjadi lebih peka terhadap tanggungjawab mereka kepada Allah SWT.

3. Sentiasa memberi galakan dan penghargaan kepada golongan warga tua agar mereka mendapat kasih sayang, perhatian dan penjagaan yang rapi. Hal ini kerana usia tua sangat kritikal dalam aspek ketandusan kasih sayang.

Selain itu, pihak kerajaan seharusnya melakukan tranformasi penempatan warga tua dengan beberapa saranan yang wajar dipertimbangkan oleh pihak berkaitan antaranya:

1. Memperbanyakkan pengisian kecerdasan rohaniah dengan kuliah agama seperti pengajian aqidah, pengajian ibadah dan pengajian akhlak di Rumah Kebajikan. Pengisian rohaniah di Rumah Kebajikan adalah sangat penting kepada warga tua sebagai pengisian jiwa.
2. Memberi intensif dan galakan kepada warga tua yang berjaya mencapai target dalam sesuatu perkara seperti khatam al-Quran, pertandingan pidato dan lain-lain lagi. Intensif dan galakan untuk warga tua adalah penting sebagai motivasi kepada mereka untuk terus-menerus beramal di usia tua.

Setelah melihat keseluruhan kajian ini, pengkaji mencadangkan beberapa cadangan kepada penyelidik selanjutnya untuk membina alat pengukuran secara saintifik dengan menggunakan kaedah penyelidikan kuantitatif dengan analisis statistik secara infrensi khususnya mengkaji hubungan antara kecerdasan rohaniah dengan amalan agama warga tua di Rumah Kebajikan. Hal ini sebagai bukti secara saintifik kecerdasan rohaniah adalah sangat mempengaruhi warga tua melakukan amalan keagamaan.

Masyarakat Islam juga wajar mengetahui tentang kecerdasan rohaniah yang hakikatnya bersumberkan kepada al-Quran dan al-Sunnah. Kecerdasan rohaniah adalah kecerdasan yang tertinggi yang mampu melahirkan jiwa masyarakat Islam yang merdeka, bebas dan bersyukur di atas nikmat pemberian Allah SWT. Maka jika kecerdasan rohaniah ini dipraktikkan dalam kehidupan masyarakat Islam akan melahirkan masyarakat yang mempunyai hati, jiwa, roh dan akal yang cerdas. Seterusnya akan melahirkan masyarakat yang meningkatkan mutu ibadah kepada Allah SWT sebagai pencipta alam semesta.

RUJUKAN

Al-Qur'an.

Abdul Aziz Jamain, Rahimah Abdul Aziz dan Lukman Z. Mohamad. 2000. *Warga Tua: Isu dan Fenomena*. Bangi: Pusat Pengajian Sains Matematik.

Abu Hayyān, Muhammad Yūsuf as-Syahīd. 1993M/1413H. *Tafsīr al-Bahr al-Muhīd*. Jilid 1. Bairūt, Lubnān: Dār al-Kutub al-ʿIlmiyyah.

Abu Sangkan pula. 2002. *Menghidupkan Kecerdasan Emosional dan Spiritual Berguru Kepada Allah*. Jakarta: Perpustakaan Nasional Indonesia.

Ahimsa Riyadi. 2005. *Quranic Quotient for a Lasting Success Panduan Menggunakan Kecerdasan al-Quran untuk Kesuksesan Dunia Akhirat*. Bandung: Pustaka Ilman.

Ahmad Tarmizi Mahmud. 1996. *Warga Tua di Pondok*. antara Cabaran dan Prospek. Tinjauan di Institut Pondok Sekitar Negeri Kedah. Latihan Ilmiah Fakulti Pengajian Islam. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

al-ʿAlūsī, As-Syihāb ad-Dīn as-Sayyid Muhammad Al-ʿAlūsī. 1994M/1415H. *Ruh al-Maʿani fi Tafsīr al-Qurʿan al-ʿAzīm wa Sabʿa al-Mastanī*. Jilid 7. Dār al-Kutub al-ʿIlmiyyah: Bairūt, Lubnān.

al-Bukhārī, Muhammad bin Ismāʿīl. 2000M/1420H. *Sahīh al-Bukhārī*. Juz 1. al-Qāhirah: Dār al-Hadīs.

al-Marāghī, Ahmad Mustafā al-Marāghī. 2001. *Tafsīr al-Marāghī*. Pent: Muhammad Thalib: Jilid 12. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

al-Razī, Fakhr al-Dīn Muhammad Ibn ʿUmar. 2000M/1421H. *al-Tafsīr al-Kabīr aw Maḥāṭib al-Ghayb*. Jilid 20. Bairūt, Lubnān: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.

Arbaiyah Md Zin. 2006. *Tinjauan Kecerdasan Pelbagai di Kalangan Pelajar Tingkatan 4*. Tesis Sarjana, Fakulti Pendidikan. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Ary Ginanjar Agustian. 2001. *Rahasia Sukses Membangun Kecerdasan Emosi dan Spiritual ESQ*. Cet ke-1. Jakarta: Penerbit Arga.

Cary S. Kart. 1997. *The Realities of Aging an Introduction to Gerontology*. Edisi ke-5. Printed in The United States of America.

Gardner, H. 1993. *Multiple Intelligence: The Theory Practice*. New York: West View Press.

Geav. 1976. *The Psychology of Loneliness*. Chicago: Adams Press.

Goleman, Daniel, Cary Cherniss. 2001. *The Emotional Intelligent Workplace: How to Select for Measure and Improve Emotional Intelligence in Individual, Groups and Organizations*. Editors: Warren Bennis. San Francisco: Jossey Bass.

Hafsa Mohamed Makki. 2008. *Kecerdasan Pelbagai dalam Kalangan Pelajar dan Faktor Penyumbang bagi Domain MyMICA*. Tesis Sarjana, Fakulti Pendidikan. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Hamdani Bakran adz-Dzakiey. 2005. *Prophetic Intelligence: Kecerdasan Kenabian Manumbuhkan Potensi Hakiki Insani Melalui Pengembangan Kesehatan Ruhani*. Yogyakarta: Islamika.

Hamka, Abdulmalik Abdulkarim Amrullah. 1999. *Tafsir al-Azhar*. Cetakan ke-3: Jilid 5 & 8. Singapura: Pustaka Nasional Pte Ltd.

- Ibrahim Mohamed Zin. 2007. Membina dan Mengesahkan Instrumen Pentaksiran Kecerdasan Pelbagai. Tesis Doktor Falsafah, Fakulti Pendidikan. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Khajidah Alavi. 2003. Praktis Kerja Sosial dengan warga Tua di Institusi Penjagaan: Isu Masa Depan. Kertas Kerja Seminar Advancing Indigenous Social Work. Anjuran Kementerian Pembangunan Sosial dan Urbanisasi, Sarawak; Fakulti Sains Sosial Universiti Malaysia Sarawak. Kuching, Sarawak, 20 Oktober.
- Kurt Wolff, M.D. 1959. *The Biology, Sociological and Psychological Aspects of Aging*. Westport: Greenwood Press, Publishers.
- Latifah Talib. 1996. Kehidupan Warga Tua di Institusi Pondok. Latihan Ilmiah Fakulti Pengajian Islam. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mariah Muda. 1996. Pemaparan Imej Warga Tua di Dalam Filem-Filem Cereka Melayu 1950-1990-an. Tesis Sarjana Fakulti Sains Sosial dan Masyarakat. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Meran Abu Bakar. 2003. Menagih Kasih di Sri Tanjung. *Wanita*. Jun: 51-53.
- Muhamad Wahyuni Nafis. 2006. *9 Jalan untuk Cerdas Emosi dan Cerdas Spiritual*. Jakarta: Hikmah.
- Muhamad Wahyuni Nafis. 2007. *Yakin Diri 9 Jalan Cerdas Emosi & Cerdas Spiritual*. Edisi Malaysia. Penynt: Mohd Zawawi Daud. Kuala Lumpur: PTS Mellennia.
- Muhammad al-Ghazālī. 1990M/1410H. *al-Jānib al-'Athifī min Islām: Bahts fī al-Khulq wa al-suluk wa al-Tashawwuf*. Mesir: Dar al-Dakwah.
- Muhammad al-Ghazālī. 2003. *Selalu Melibatkan Allah, Sehat Spiritual, Sukses Sosial*. Pentrj: Abad Baddruzzaman. Jakarta: PT Serambi Ilmu Semesta.
- Muhammad D. Sensa. 2004. *QQ Membentuk Kecerdasan Daripada Quran*. Jakarta: Hikmah
- Muhammad Fathi Yusuf. 2001. Liku-Liku Hidup Warga Tua. *Dewan Budaya*. Mac: 20-21.
- Muhammad Uthman El-Muhammady. 2010. Kecerdasan Rohaniah. Temu bual, 22 Januari.
- Nor Azla Abd Talib. 1999. Penghayatan Islam Warga Tua Satu Kajian di Rumah Orang-orang Tua Perkampungan Ibadah Raub. Latihan Ilmiah Fakulti Pengajian Islam. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Norasyikin Omar. 2004. Kesunyian di Kalangan Warga Tua. Tesis Sarjana Fakulti Sains Sosial dan Masyarakat. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rosli Sulong. 1994. Rumah Kebajikan Taman Bahagia: Sejauh Manakah Keprihatinan Kerajaan dan Masyarakat dalam Menangani Permasalahan Warga Tua. Latihan Ilmiah Fakulti Pengajian Islam. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rosnani Baharom. 1997. Tekanan di Kalangan Orang Tua. Latihan Ilmiah Fakulti Sains Sosial dan Masyarakat. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Soerjantini Rahaju. 2004. Perhubungan Orang Tua dengan Anak Dewasa dan Ketiadaan Harapan di Kalangan Warga Tua. Tesis Sarjana Fakulti Sains Sosial dan Masyarakat. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sulaiman al-Kumayi. 2004. *99 Q Kecerdasan 99 Cara Meraih Kemenangan dan Ketenangan Hidup Lewat Penerapan 99 Asma Allah*. Cet: ke-2. Jakarta: Hikmah.
- Suriah Abd. Rahman. 1999. Warga Tua: Dari Aspek Pemakanan. Laporan Akademik. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Wechsler, David. 1974. *Manual for the Wechsler Intelligence Scale for Children-Revised*. New York: Psychological Corporation.
- Zainol Mat. 1983. Sikap Masyarakat Melayu Terhadap Orang-orang Tua: Satu Kajian Kes di Kedah. Latihan Ilmiah Fakulti Sains Sosial dan Masyarakat. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zainon Jalani. 1988. Persepsi Orang Tua Melayu Terhadap Kematian: Satu Kajian Perbandingan antara Orang Tua di Institusi dan Luar Isntituti. Latihan Ilmiah Fakulti Sains Sosial dan Masyarakat. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zurahaslina Othman. 1991. Kepuasan Hidup Orang Tua Yang Tinggal di Institusi dan di Pondok. Latihan Ilmiah Fakulti Sains Sosial dan Masyarakat. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Elmi Baharuddin
*Zainab Ismail
Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan
Fakulti Pengajian Islam
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi
Selangor D.E.
MALAYSIA
*zainab@ukm.my